

Jenis Akhbar : Berita RTM
Tarikh : 13/05/2020
Edisi / Muka Surat : <http://berita.rtm.gov.my/>
Tajuk : Bank Rakyat tawar pembiayaan khas bantu PKS dan Koperasi

Bank Rakyat tawar pembiayaan khas bantu PKS dan Koperasi

Mei 13, 2020



KUALA LUMPUR, 13 Mei - Prihatin membantu kerajaan dan rakyat, Bank Rakyat menawarkan pembiayaan khas sehingga RM300,000 bagi membantu usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan koperasi.

Manakala RM50,000 juga ditawarkan untuk pembiayaan mikro bagi tempoh 69 bulan dengan penangguhan bayaran pembiayaan selama sembilan bulan.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar dalam satu kenyataan menyatakan langkah proaktif itu penting untuk kelangsungan PKS dan peniaga mikro.

Manakala bagi usahawan wanita pula, pembiayaan RM50 juta melalui Pakej Biz Lady ditawarkan untuk mereka kekal dalam bidang perniagaan.

Dalam pada itu, kempen Pembiayaan Peribadi-i, 'Kami Bersama Anda' turut dilancar dengan jumlah pembiayaan sehingga RM200,000, Pajak Gadai-i Ar-Rahnu sehingga RM350,000 bagi pelanggan yang mempunyai barang kemas.

Maklumat lanjut boleh layari laman sesawang Bank Rakyat atau tele-Rakyat di talian 1-300-80-5454.